

# Penantian

**Asnur Mursalin Aspar**

**H**otel Empire. Di Jerudong, Bandar Seri Begawan Brunei Darussalam. Resort mewah yang menghadap Laut Cina Selatan. Menjanjikan suasana romantis yang menyenangkan.”

“Hmm... boleh dipertimbangkan. Kalau tidak menjadi juga kali ini, bercuti sajalah aku. Biar tenang sedikit jiwa ini,” bisikku sendirian. Sambil membelek-belek risalah pelancongan Brunei, sekali-sekala mataku melirik ke arah singki. Debaran di hati bak mendendangkan lagu rancak yang tiada hentinya. Tidak dapat diredakan sama sekali. Ketukan pada pintu berbunyi berulang kali.

“Oh, Yang! Lama sungguh awak di dalam. Buat apa?” Suara suamiku memecah suasana sepi.

“Ya, Bang. Sebentar saja lagi. Urusan besarlah,” selorohku. Aku cuba sembunyikan perasaan sebenar. Sesungguhnya, aku tidak ingin menimbulkan kecurigaan suamiku.

Sudah hampir setengah jam aku berada di dalam bilik kecil ini. Empat dinding putih menjadi temanku dan bakal menjadi saksi akan nasibku. Dari awal lagi, aku ragu-ragu untuk meneruskan misiku. Tidak sanggup kalau hatiku hampa dan terluka lagi. Tidak sanggup kalau apa yang diingini tidak tercapai sekali lagi. Namun, akhirnya, aku teruskan juga demi perasaan ingin tahu yang meluap-luap di dada. Apa agaknya surat yang tertulis buatku kali ini?

Aku tenung batang plastik yang terletak rapi di atas singki. Mahu sahaja kujenguk secara dekat. Namun, aku tidak berani. Sesungguhnya, aku belum bersedia. Dalam penantian, mindaku menyingkap detik-detik lalu. Detik-detik yang menjadi suka duka yang menjalar dalam sejarah hidupku.

“Amboi, cantiknya anak menantu dia!”

“Alah, harap muka saja yang cantik. Kasihan Si Temah tu, tentunya sudah bertahun-tahun mengharapkan cucu macam orang lain. Hai, bayang pun tidak ada. Nasib Temahlah dapat menantu mandul agaknya.”

Mandul? Tidak! Aku tidak mandul! Jangan sekali-kali lemparkan tuduhan itu terhadap diriku! Aku boleh buktikan bahawa aku tidak mandul.

“Bila lagi, Su? Teruk betul kau ni. Takkanlah sampai sekarang pun belum lagi. Tidak teringinkah engkau menimang cahaya mata?”

Aku ingat lagi kata-kata yang kian diulang-ulang oleh orang sekeliling. Kata-kata daripada mulut yang tiada dilindungi insurans sering kali berlagu di majlis kenduri-kendara. Baik yang kenalan rapat mahupun yang jumpa tidak sampai setahun sekali pun. Panas telinga ini dibuatnya. Sakit hati apabila mereka membuka mulut. Kadangkalanya, ingin saja aku hamburkan kata-kata pedas sebagai jawapan. Namun, aku bersyukur aku masih dikurniakan kesabaran. Mungkin juga kerana aku sudah naik bosan atau lali dengan semua soalan itu. Kata orang, alah bisa tegal biasa. Aku hanya pekakkan telinga. Sekadar senyuman tipis sahaja yang dilemparkan sebagai jawapan walaupun kata-kata itu semua menjentik emosiku. Biarkanlah. Biarkan saja jiwaku perit disayat. Tiada siapa pun yang akan mengerti.

Pernah pada suatu ketika, ungkapan-ungkapan sebegitu membuat jiwaku amat terganggu. Akibatnya, aku berjalan mengikut rentak hati mencari ketenangan tanpa arah tujuan. Akhirnya, langkahku telah membawa diri ini ke sebuah masjid. Kebetulan, Ustaz Fahmy sedang berceramah tentang qada' dan qadar. “Semuanya ditentukan oleh Tuhan. Semuanya sudah pun tertulis bagi setiap manusia. Bukankah itu pedoman kita sebagai orang Islam?” Aku terkesima mendengar kata-kata Ustaz.

“Apa? Aku ni selebriti sampai orang sibuk hendak tahu hal aku?” cuit hatiku. Itulah ejekan yang terlintas di mindaku setiap kali aku cuba mengawal amarahku. Kata-kata itu juga yang kadangkalanya menghiburkan hatiku. Yalah, aku diibaratkan selebriti. Siapa yang tidak mahu?

Namun, orang lain tidak akan faham apa sebenarnya yang sedang aku lalui. Jika diberikan pilihan, ini bukanlah ketentuan yang aku ingini. Aku juga tertanya-tanya bila giliranku. Aku juga ada keinginan. Namun, apakan daya.

Hanya suamiku sahajalah yang mampu berkongsi kehampaan setiap kali kami gagal dan gagal lagi.

“Tidak apalah, Sayang. Kita cuba sekali lagi. Suatu hari nanti, insya Allah,” pujuk suamiku. Hari berganti hari, semakin aku faham mengapa Adwan ditakdirkan untukku. Sesuai dengan maksud namanya, aku sering berasa tenang di sisinya. Aku tenang menghitung ribuan titik air mata yang mengalir dalam penantian yang mengharukan.

“Tenang, Sayang,” bisik suamiku setiap kali aku genggam tangannya semasa prosedur yang kulalui. Cucuk jarum sana, jarum sini. Ubat sana, ubat sini. Rawatan sana, rawatan sini. Semua sudah aku alami. Ribuan dolar juga telah banyak kami laburkan. Sudah empat kali proses persenyawaan in vitro (IVF) dijalani. Hasilnya tetap begitu juga. Kesakitan yang dirasai bukan persoalannya. Penantian yang peritlah yang paling tidak sanggup kuhadapi berulang kali.

“Suhaili, saya harap awak tabah menjalani segalanya. Seperti yang pernah saya katakan dahulu, proses IVF ini tidak menjamin pasangan berjaya mendapatkan cahaya mata. Memandangkan umur awak yang sudah menjangkau 40 tahun, kemungkinan berjaya hanya 10 peratus sahaja. Saya harap awak faham,” sudah acap kali Doktor Suzi sedarkan aku tentang hal ini.

Setiap kali aku rasa kecundang, aku merujuk semula pada buku *Golden Stories* of Sayyida Khadijah tulisan Abdul Malik Mujahid. Kisah Sayyida Khadijah dijadikan inspirasi buat diriku, sebagai penawar hati yang kecewa. Pada usia 40 tahun, Sayyida Khadijah bernikah dengan Nabi Muhammad. Sayidida Khadijah mampu melahirkan enam orang anak buat suaminya. Tiada yang mustahil. Siapa kata wanita tua diharamkan untuk hamil? Namun, apabila dkenangkan semula, aku sedar siapa diriku ini. Aku sebenarnya bukan seorang wanita semulia Khadijah. Aku juga bukan seorang isteri yang mithali. Aku bukan contoh muslimah yang baik. Belum tentu lagi aku menjadi penghuni syurga kelak.

Minggu berganti bulan dan bulan berganti tahun. Sama sahaja. Apa yang dinanti-nantikan tidak juga kunjung tiba sehinggakan aku hampir putus asa. Sudah terlalu banyak wang dan masa habis begitu sahaja. Sungai air mata pun sudah mulai kering.

“Bang, Su tidak sanggup lagi. Su sudah serik dengan IVF. Bukan sekali dua, sudah empat kali kita coba. Cukuplah, ya Bang? Kita serahkan semuanya kepada-Nya. Su tidak mahu ke klinik kesuburan setiap bulan. Penat, Bang. Kalau ada rezeki kita, dapatlah nanti. Kalau tidak ada, kita reda sahajalah,” aku pernah merayu kepada suamiku. Suamiku akur sahaja akan kehendakku. Aku bersyukur dikurniakan suami yang ambil parwah akan diriku. Dia dapat merasakan apa yang aku rasa. Pernah sekali dua, air matanya menitis melihat sang isteri terpaksa dicucuk jarum setiap hari. Pernah juga aku tercuri pandang sewaktu dia menangis teresak-esak di sejadahnya sambil memanjatkan doa kepada-Nya agar penderitaan isterinya dikurangkan.

“Ya Tuhan, kau hapuskanlah penderitaannya. Hamba-Mu ini tidak sanggup melihat isteriku sedih dan kecewa. Kau redailah kami. Aku bermohon kepada-Mu agar aku dan isteriku dikurniakan zuriat.” Itulah doa sang suami tercinta.

Melihat suamiku yang begitu penyayang, aku sering dihantui dosa lalu. Kesalahanku sungguh besar. Mungkin juga tiada maaf daripada-Nya. Mungkin juga inilah balasan Tuhan terhadapku.

Dahulu, aku merupakan seorang pramugari. Sewaktu aku mula berumah tangga, aku begitu asyik dengan kerjayaku. Terbang ke sana, terbang ke sini. Tidak pernah sekali pun aku terfikir untuk mempunyai anak. Maklumlah, aku harus kekalkan badanku yang cantik dan langsing. Aku tidak mahu kalah dengan teman-teman sekerja aku.

Pada waktu itu, aku begitu jahil. Aku lupa akan tanggungjawab sebagai seorang isteri. Aku pentingkan kerjayaku. Dua kali aku mengandung. Dua kali juga aku gugurkan kandunganku. Bagiku, proses menggugurkan kandungan itu biasa sahaja. Video yang dipertontonkan kepadaku sebelum melalui setiap proses pengguguran langsung tidak memberi kesedaran kepadaku. Aku begitu yakin dengan keputusanku. Yang aku tahu, tiada apa yang boleh memisahkan aku dan kerjayaku.

“Bang, minggu lepas, Su gugurkan lagi. *Baby* boleh tunggu. Abang tahulah kan badan Su ini lebih penting untuk kerjaya Su. Su belum bersedialah hendak mengandung. Bukan saja badan jadi gemuk nanti, pening, muntah-muntah... ish, tidak sangguplah Su!” Suamiku tidak sempat berkata apa-apa. Semua keputusan aku buat sendiri. Sesungguhnya kata-

kata itu cukup menikam hati dan harapan suami. Namun, aku buat tidak nampak sahaja kehampaan dan kesedihan pada wajahnya. Dasar aku wanita yang pentingkan diri sendiri. Namun, setiap kali juga suamiku bersabar dan memaafkan isterinya ini.

Akhirnya, selepas sepuluh tahun, kerjayaku juga tidak ke mana. Aku menjadi bosan. Bosan ke hulu dan ke hilir tanpa suami di sisi. Bosan dengan drama tikam-menikam dalam kalangan teman sekerja. Bosan dengan godaan rakan-rakan sekerja yang bergelumang dengan maksiat setiap kali di rantau orang. Bosan dengan rutin kerja yang sama sahaja dan tiada hentinya. Perasaan bosan bertukar menjadi kesedaran. Aku sedar bahawa itu bukanlah jalan yang aku cari selama ini. Aku sedar apa yang aku lakukan selama ini tidak diberkati-Nya.

Namun kini, apabila aku sudah bersedia menjadi seorang ibu, cubaan daripada-Nya melanda. Mungkin juga cubaan atau mungkin juga hukuman dari-Nya. Memang kurasakan ini sebagai satu balasan. Jika dahulu aku cuba mengarang takdirku, kini Tuhan menunjukkan betapa besarnya kekuasaan-Nya. Jika dahulu aku tolak rezeki yang dilimpahi-Nya, kini Tuhan biarkan aku merayu dan merayu untuk mengemis rezeki daripada-Nya.

“Ya Tuhan, Kau ampunilah dosa-dosaku. Aku insaf. Aku tidak sanggup tempuhi dugaan-Mu, Tuhan. Aku kalah dengan kekuasaan-Mu. Seringkali aku menangis dalam doaku.”

Dengan perlahan-lahan, aku menuju ke singki. Tanganku mencapai kit ujian kehamilan yang sudah lama menunggu tatapanmu. Jantungku berdegup kencang. Tanganku sejuk. Mataku akhirnya meneliti skrin pada kit ujian kehamilan itu. Mataku tertumpu tajam kepada penanda yang berwarna pada kit. Aku sememangnya tidak percaya akan apa yang aku lihat. Aku terpandang satu putaran semua apa yang berlaku selama ini dimainkan di dalam benak fikiranku. Seolah-olah masa berputar dan membawaku mula di satu permulaan yang kami harapkan selama ini. Satu perasaan yang tidak dapat dibendung lagi. Satu kesyukuran yang tiada dapat aku berikan tafsiran kerana apa yang berlaku ini semua kehendak-Nya jua. Aku terima ketentuan ini.

“Yang, Yang! Kenapa?” Suara suamiku mengejutku sekali lagi.

Aku melangkah keluar dari bilik air setelah sekian lama. Kit itu aku hurlurkan kepada suamiku. Senyuman yang terindah yang tidak pernah kulihat sebelum ini terukir pada bibirnya. Pipiku dibelainya.

Penantian kami bakal berakhir tidak lama lagi.

### **Perbendaharaan Kata**

- mandul - tidak boleh hamil
- melirik - menjeling dengan tajam, mengerling
- meluap-luap - berkobar-kobar
- menyingkap - mengingat atau menceritakan kembali
- menjalar - berkembang merebak (meluas)
- mithali - boleh dijadikan utuk diteladani
- pedoman - sesuatu yang menjadi asas (petunjuk) untuk melakukansesuatu
- persenyawaan In-Vitro (IVF) - proses meningkatkan peluang kehamilan dengan bantuan teknologi di mana telur disenyawakan dengan sperma secara manual dalam tabung uji makmal
- qada' dan qadar - ketentuan, hukum atau takdir Allah
- zuriat - keturunan, anak

